

KPDNHEP Kelantan rampas *Ghost Smoke*

KOTA BHARU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri merampas 40 unit gula-gula *Ghost Smoke* yang dijual berhampiran sebuah sekolah di bandar ini semalam.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adanan Abd. Rahman berkata, operasi terbabit dilakukan hasil pemeriksaan pegawai penguat kuasa Kementerian itu terhadap penjualan gula-gula tersebut di premis-premis berhampiran sekolah dan sempadan negara.

Katanya, dalam operasi bermula pada pukul 9 pagi itu, sebanyak 12 premis telah diperiksa dan usaha mengesan pembekal yang terlibat masih dijalankan.

"Pihak kami merampas kira-kira 40 unit gula-gula *Ghost Smoke*. Berdasarkan maklumat,



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP mengambil maklumat daripada seorang wanita yang menjual gula-gula *Ghost Smoke* di Kota Bharu semalam.

gula-gula itu dijual 50 sen seunit dan bekalan diperolehi daripada pembekal di sekitar Kota Bharu.

"Pemeriksaan sedang dijalankan bagi mengenal pasti pembekal barangan tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. Kelmarin, Timbalan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail mahu tindakan diambil bagi menghentikan segera penjualan vape dan gula-gula *Ghost Smoke* yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok dalam kalangan pelajar sekolah.

Mengulas lanjut, Adanan berkata, siasa-

tan dijalankan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM250,000 ke atas syarikat.

Bagi individu pula, hukuman denda dikenakan tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya di bawah akta yang sama.

"Pihak kami akan sentiasa memantau penjualan gula-gula tersebut dari semasa ke semasa," kata beliau.

Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta melaporkan di mana-mana pejabat KPDNHEP terdekat atau menghubungi 1Malaysia One Call Centre di talian **03-8000 8000**, aplikasi telefon pintar Ez ADU, emel ke alamat e-aduan@kpdnhep.gov.my atau pesanan ringkas (SMS) ke **15888** dengan menaip KPDNHEP ADUAN <butiran aduan>.